

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 27/08/2007

Pertahan perkongsian kuasa – Abdullah

Oleh NIZAM YATIM

UM - 27/8/2007

PUTRAJAYA 26 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan ahli Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) supaya mempertahankan prinsip perkongsian kuasa dan kontrak sosial bagi memastikan negara terus berjaya untuk 50 tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu diberikan perhatian serius berikutan terdapat beberapa pihak yang dilihat cuba mencabar prinsip itu semata-mata atas dasar kebebasan dan hak asasi manusia.

"Saudara berada dalam BN, inilah parti keramat dan benar-benar mewakili semua kaum dan kita akan pastikan semua ketegangan yang timbul diselesaikan secara musyawarah.

"Inilah yang diamalkan oleh pemimpin terdahulu dan saya yakin jika ia diamalkan, negara kita akan maju dan selamat apabila kita menyambut kemerdekaan yang ke-100," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata demikian ketika berucap pada Himpunan Pemuda Merdeka di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini malam ini.

Majlis yang turut dihadiri presiden parti-parti komponen BN itu adalah bagi meraikan kemerdekaan negara ke-50 dan sebagai isyarat bahawa pergerakan itu telah bersedia menghadapi pilihan raya umum.

Abdullah turut melancarkan gelang tangan berwarna oren yang tertera perkataan *Pemuda BN Sedia Gempur* sebagai simbolik bermulanya jentera pilihan raya pergerakan itu.

Pada majlis itu, Ketua Pemuda BN, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein turut membacakan ikrar sokongan terhadap Misi 2057 yang telah digariskan oleh kerajaan.

Dalam pada itu, Abdullah yakin BN akan kembali berkuasa pada pilihan raya umum akan datang berikutan kesediaan Pemuda untuk menggempur pembangkang habis-habisan.

"Bila saya masuk dewan tadi, saya hanya dengar satu suara dan ia lahir dari atas satu semangat untuk memper-



SEBAHAGIAN anggota Pemuda Barisan Nasional pada Himpunan Pemuda Merdeka di Pusat Konvensyen Putrajaya, malam tadi.

— Gambar ABD. RAHMAN SALEH

tahankan parti kita, satu suara yang sedia menggempur dan inilah kekuatan perpaduan yang ditunjukkan walaupun saudara sekalian daripada kaum dan parti berlainan," tegasnya.

Sementara itu, Hishammuddin dalam ucapannya berkata, perhimpunan Pemuda BN itu adalah dengan satu tekad untuk memastikan kemerdekaan negara tidak digugat mana-mana pihak dan memastikan BN terus mem-

rintah selepas pilihan raya umum akan datang.

"Pak Lah, Pemuda BN akan buktikan dakwaan Pemuda luntur tidak benar dan jangan sesiapa pun mempersoalkan komitmen perjuangan dan kesetiaan Pemuda."

Beliau juga mengingatkan pihak yang terus mempertikaikan kontrak sosial yang disepakati semasa negara mencapai kemerdekaan bahawa mereka ibarat *menjolak sarang tebuan*.